



## KENYATAAN MEDIA

### **PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN TAHUN 2020 BAGI PERTUBUHAN BELIA YANG BERDAFTAR DI BAWAH AKTA PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA 2007 (AKTA 668)**

---

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 7 Jun 2020 berkenaan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) serta pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) pada 17 Jun 2020 yang memberi kebenaran menganjurkan mesyuarat, seminar, bengkel dan diikuti pengumuman pada 22 Jun 2020 yang membenarkan syarikat, koperasi, persatuan dan organisasi untuk melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT). Sehubungan dengan itu, semua **pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668] adalah dibenarkan untuk melaksanakan MAT masing-masing mulai 1 Julai 2020**. Jumlah ahli mesyuarat hendaklah tidak melebihi 250 orang dengan mengambil kira kapasiti ruang tempat mesyuarat dan mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter.

Sukacita diingatkan agar pertubuhan belia hendaklah sentiasa mematuhi arahan PKPP yang sedang berkuatkuasa, saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), nasihat Menteri Belia dan Sukan (KBS), mematuhi SOP Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta yang telah disediakan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta mengambil maklum aktiviti- aktiviti yang dilarang.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia di talian 03-8881 0842 atau menerusi e-mel [roy\\_hq@kbs.gov.my](mailto:roy_hq@kbs.gov.my)

**PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**30 JUN 2020**